

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA
PEJABAT BENDAHARI

UTHM.PB/100-6/4/1Jld 3 (6)

Tarikh: 29 Mac 2018

SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 2/2018

Semua Pengurus Bahagian
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Y.Bhg. Dato'/Prof/Tuan/Puan,

PINDAAN KUASA MELULUSKAN PERMOHONAN DAN KELULUSAN PEMBIAYAAN KALI KE DUA DAN SETERUSNYA DI DALAM PEKELILING BENDAHARI BIL1/2017 (SKIM PEMBIAYAAN KOMPUTER DAN TELEFON PINTAR (SMARTPHONES) UTHM) DAN BIL 3/2017 (SKIM PEMBIAYAAN KENDERAAN UTHM)

1.0 Tujuan

- 1.1 Pada masa ini UTHM menggunakan Pekeliling Bendahari Bil 1/2017 berkenaan Skim Pembiayaan Komputer dan Telefon Pintar (*Smartphones*) UTHM dan Pekeliling Bendahari Bil 3/2017 berkenaan Skim Pembiayaan Kenderaan UTHM sebagai rujukan semasa memberikan kelulusan pinjaman.
- 1.2 Surat Pekeliling ini bertujuan untuk menerangkan mengenai pindaan berkaitan kuasa meluluskan permohonan dan kelulusan pembiayaan kali ke dua (2) dan seterusnya bagi Skim Pembiayaan Kenderaan dan juga Skim Pembiayaan Komputer & Telefon Pintar (Smartphones) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- 1.3 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 1/2018 yang bersidang pada 13 Februari 2018 telah meluluskan pindaan berkenaan perkara di atas.

2.0 SKIM PEMBIAYAAN KOMPUTER DAN TELEFON PINTAR (SMARTPHONES) UTHM

2.1 Kuasa Meluluskan Permohonan.

- 2.1.1 Klausula 7.2.1 dan 7.2.2 didalam Pekeliling Bendahari Bil 1/2017 adalah dipinda seperti berikut
 - 2.1.1.1 Tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat pembiayaan yang dinyatakan di dalam perenggan 5 didalam Pekeliling Bendahari Bil 1/2017, kuasa untuk meluluskan pembiayaan

Komputer dan Telefon Pintar (*Smartphones*) adalah diberikan kepada Jawatankuasa Pinjaman yang dipengerusikan oleh Bendahari.

2.1.1.2 Keahlian Jawatankuasa yang dilantik adalah dipinda seperti mana berikut:-

Pengerusi : Bendahari
Setiausaha : Timbalan Bendahari

Ahli :

- i. Pendaftar.
- ii. Timbalan Pendaftar sebagai Ahli Ganti Tetap Pendaftar.
- iii. Pengurus Pusat Teknologi Maklumat (PTM).
- iv. Timbalan Pengurus PTM sebagai Ahli Ganti Tetap Pengurus PTM.
- v. Dua (2) Orang Timbalan Pendaftar

Urusetia Mesyuarat : Unit Gaji & Pinjaman

2.1.2 Kekekapan mesyuarat dan peranan Jawatankuasa Pinjaman adalah seperti di dalam Klausa 7.2.3 dan 7.2.4 didalam Pekeliling Bendahari Bil 1/2017.

2.1.3 Korum keahlian Mesyuarat Jawatankuasa Pinjaman adalah seramai tiga (3) orang termasuk Pengerusi.

2.2 Kelulusan Pembiayaan kali kedua dan seterusnya.

2.2.1 Staf boleh membuat permohonan pembiayaan kali ke dua (2) dan seterusnya bagi pinjaman komputer & telefon pintar (*smartphones*) UTHM pada bila-bila masa dengan syarat bayaran pembiayaan sebelum ini telah diselesaikan sepenuhnya.

3.0 SKIM PEMBIAYAAN KENDERAAN UTHM

3.1 Kuasa Meluluskan Permohonan.

3.1.1 Klausa 7.2.1 dan 7.2.2 didalam Pekeliling Bendahari Bil 3/2017 adalah dipinda seperti berikut

3.1.1.1 Tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat pembiayaan yang dinyatakan di dalam perenggan 5 didalam Pekeliling Bendahari Bil 3/2017, kuasa untuk meluluskan Pembiayaan Kenderaan UTHM adalah diberikan kepada Jawatankuasa Pinjaman yang dipengerusikan oleh Bendahari.

3.1.1.2 Keahlian Jawatankuasa yang dilantik adalah dipinda seperti mana berikut:-

Pengerusi : Bendahari
Setiausaha : Timbalan Bendahari

Ahli :

- i. Pendaftar.
- ii. Timbalan Pendaftar sebagai Ahli Ganti Tetap Pendaftar.
- iii. Pengurus Pusat Teknologi Maklumat (PTM).
- iv. Timbalan Pengurus PTM sebagai Ahli Ganti Tetap Pengurus PTM.
- v. Dua (2) Orang Timbalan Pendaftar

Urusetia Mesyuarat : Unit Gaji & Pinjaman

3.1.2 Kekerapan mesyuarat dan peranan Jawatankuasa Pinjaman adalah seperti di dalam Klausa 7.2.3 dan 7.2.4 di dalam Pekeliling Bendahari Bil 3/2017.

3.1.3 Korum keahlian Mesyuarat Jawatankuasa Pinjaman adalah seramai tiga (3) orang termasuk Pengerusi.

3.2 Kelulusan Pembiayaan kali kedua dan seterusnya.

3.2.1 Staf boleh membuat permohonan pembiayaan kali ke dua (2) dan seterusnya bagi Pembiayaan Kenderaan UTHM pada bila-bila masa dengan syarat bayaran pembiayaan sebelum ini telah diselesaikan sepenuhnya.

4.0 TARIKH KUATKUASA

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa pada tarikh ia dikeluarkan dan hendaklah dibaca bersama-sama dengan Pekeliling Bendahari Bil 1/2017 Skim Pembiayaan Komputer dan Telefon Pintar (*Smartphones*) dan Pekeliling Bendahari Bil 3/2017 Skim Pembiayaan Kenderaan.

5.0 PEMBATALAN

Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling ini, maka **Klausa** didalam pekeling berikut adalah dipinda :-

a. **Klausa 7.2.1, 7.2.2 dan 7.3** didalam **Pekeling Bendahari Bil 1/2017** (Skim Pembiayaan Komputer & Telefon Pintar (*Smartphones*) UTHM)

- b. **Klausa 7.2.1, 7.2.2 dan 7.3** didalam **Pekeliling Bendahari Bil 3/2017** (Skim Pembiayaan Kenderaan UTHM)

Kerjasama dan perhatian Y.Bhg Dato'/Prof/Tuan/Puan dipohon agar dapat memanjangkan perkara ini kepada staf di bahagian masing-masing.

Sekian terima kasih

“ DENGAN HIKMAH KITA MENEROKA ”

Yang benar

.....
AZIZAH BINTI NASRI
Bendahari
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

- s.k - Y.Bhg.Naib Canselor
- Y.Bhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
- Y.Bhg. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
- Y.Bhg. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
- Ketua Unit Audit Dalam